

## **Pengurusan Harta Dalam Islam: Hibah Sebagai Instrumen Dalam Menjamin Kemaslahatan Masyarakat Di Alam Melayu**

**Nor Azlina binti Abd Wahab**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Melaka  
azlina655@gmail.com

**Norajila binti Che Man**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Melaka  
norajila@melaka.uitm.edu.my

**Norafifah binti Ab Hamid**

Pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Melaka  
norafifah@melaka.uitm.edu.my

### **ABSTRAK**

Islam menganjurkan kepada umatnya agar berusaha mencari dan mengumpul harta kekayaan, selagi mana ianya tidak bercanggah dengan syariat. Namun begitu, adakalanya manusia terlupa bahawa harta kekayaan yang dicari tidak akan membawa kebahagiaan sekiranya tidak diuruskan dengan baik. Bagi memastikan harta kekayaan yang di kumpul akan membawa kepada kebahagiaan dan kesejahteraan keluarga, maka ianya perlu kepada perancangan yang rapi. Untuk tujuan itu, Islam telah menggariskan beberapa instrumen penting dalam perancangan pengurusan harta, antaranya ialah sistem faraid, hibah dan wasiat. Hibah merupakan salah satu akad daripada sistem muamalat Islam yang kompleks. Ianya merupakan sebahagian daripada undang-undang Islam. Kajian ini dilakukan bagi mengetengahkan konsep hibah sebagai salah satu instrumen yang perlu dilaksanakan sebagai alternatif bagi memastikan pengurusan dan perancangan harta umat Islam dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Sekiranya hibah ini diuruskan dengan teratur dan menepati kehendak syarak, ianya dapat menjamin kemaslahatan kaum kerabat terdekat yang memerlukan bantuan, serta masyarakat di Alam Melayu umumnya.

**Kata Kunci:** Pengurusan, Harta, Hibah, Kemaslahatan, Alam Melayu.

### **PENDAHULUAN**

Harta merupakan satu keperluan kepada manusia, agar mereka mudah menjalani kehidupan seharian di samping dapat melaksanakan ibadah serta tugas sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini dengan sempurna. Harta yang dimiliki hendaklah dibelanjakan untuk keperluan diri, keluarga dan masyarakat yang memerlukan sebagai tanda kesyukuran terhadap nikmat yang diberikan oleh Allah SWT. Namun begitu harta kekayaan yang dicari perlulah diuruskan dengan baik, agar ianya membawa kebahagiaan di dunia dan akhirat. Oleh itu untuk memastikan pengurusan dan perancangan harta diuruskan dengan baik, maka Islam telah menggariskan beberapa instrumen penting dalam perancangan dan pengurusan harta orang Islam. Antaranya ialah melalui hibah, wasiat, wakaf dan lain-lain. Hibah merupakan salah satu instrumen yang disyariatkan melalui al-Quran, al-Sunnah dan

Ijmak ulama. Ianya juga merupakan salah satu instrumen perancangan harta umat Islam yang digalakkan pelaksanaannya bagi menjamin kemaslahatan ahli waris yang tidak tergolong dalam ashab al-furud atau asabah.

## **KONSEP PENGURUSAN HARTA DALAM ISLAM**

Manusia memerlukan harta dalam menjalani kehidupan mereka. Oleh itu, setiap harta yang dimiliki perlu kepada perancangan yang rapi supaya ianya dapat diuruskan dengan baik dan sempurna. Undang-undang Islam dan sivil menggalakkan pemilik harta menguruskan hartanya agar tidak menimbulkan sebarang permasalahan samada kepada pemiliknya, ahli waris atau masyarakat sekeliling. (Mohd Zamro bin Muda W. Y., 2006)

## **DEFINISI PENGURUSAN DAN PERANCANGAN HARTA**

Menurut Zamro Muda *et.al*, perkataan 'urus' atau 'mengurus' bermaksud mengawal, mentadbir dan mengendalikan. Perkataan 'pengurusan' bermaksud perihal kerja mengurus sesuatu atau kelolaan, jagaan, kendalian atau kawalan. Perkataan pengurusan juga bermaksud mentadbir atau mengurus, memelihara dan menjaga sesuatu perkara atau urusan supaya menjadi baik dan teratur mengikut undang-undang atau peraturan yang telah ditetapkan (Mohd Zamro bin Muda W. Y., 2006).

Menurut Mohd Ridzuan Awang, pengurusan harta bermaksud perihal menguruskan harta, termasuk mengelola, menjaga, mengendalikan, mengawal dan merancang untuk mengembangkan harta pada masa akan datang melalui pelbagai cara yang dibenarkan oleh syarak (Awang, 2006).

Konsep perancangan harta dalam Islam yang komprehensif telah diberikan oleh Othman (2006) iaitu perancangan harta merujuk kepada suatu perancangan yang mampu dilaksanakan dengan cara seseorang semasa hayatnya memperoleh, mengurus dan mengagihkan hartanya kepada waris-waris dan benefisiari mengikut budi bicara serta adil di samping ia dapat mengawal, memantau dan memanfaatkan harta itu untuk penerima, dirinya dan keluarga semasa hayat dan selepas kematian. (Daud, 2015).

Berdasarkan definisi di atas dapat disimpulkan bahawa pengurusan dan perancangan harta ini ialah seseorang itu berusaha merancang dan mentadbir harta-harta miliknya agar ianya dapat memberi manfaat samada kepada pemilik harta itu sendiri mahupun kepada penerimanya. Di samping harta itu terpelihara daripada unsur-unsur yang bercanggah dengan syariat.

## **JENIS PEMILIKAN HARTA DALAM ISLAM**

Konsep pemilikan dalam Islam ialah setiap sesuatu itu adalah hak milik mutlak Allah SWT, dan manusia hanya di berikan hak milik sementara untuk mendapatkan manfaat dari harta-harta tersebut. Islam telah mengiktiraf dua jenis pemilikan iaitu pemilikan individu dan pemilikan awam. Secara umumnya pemilikan individu boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu pemilikan sempurna dan pemilikan tidak sempurna (Bakar, 2008). Pemilikan awam pula ialah pemilikan negara dan diletakkan di bawah kuasa negara seperti harta baitulmal, harta kerajaan dan sebagainya.

## KEPENTINGAN PENGURUSAN HARTA

Bagi menjamin pengurusan harta yang baik dan sempurna, Islam bukan sahaja meletakkan harta sebagai penentu kepada kebahagiaan manusia dunia malah mengaitkannya dengan sumbangan kebahagiaan di akhirat. Menurut (Mohd Zamro bin Muda W. Y., 2006) Islam telah menentukan beberapa aspek pengurusan dan perancangan harta kepada umatnya, supaya harta yang dimiliki dapat diuruskan dengan baik dan sempurna. Perancangan dan pengurusan harta terbahagi kepada dua iaitu perancangan semasa hidup dan perancangan selepas berlaku kematian pemilik harta. Antara bentuk-bentuk perancangan dan pengurusan harta semasa hidup ialah:

1. Wasiat
2. Wakaf
3. Sedekah
4. Hibah

Walau bagaimanapun, kertas kerja ini hanya akan memfokuskan perbincangan mengenai hibah sebagai instrumen yang boleh dilaksanakan dalam pengurusan harta semasa hidup secara efektif.

### Wasiat

Wasiat berasal dari perkataan “wassa” yang bermaksud menghubungkan atau menyampaikan kebaikan yang dilakukan oleh seseorang semasa hidupnya dengan ganjaran pahala selepas dia meninggal dunia. Dari segi istilah wasiat ialah pemberian suatu hak yang boleh dilaksanakan selepas berlakunya kematian pewasiat sama ada dengan menggunakan lafaz ataupun tidak (<http://www.mais.net.my>). Sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika ia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang bertaqwa.*

(al-Baqarah: 180)

### Wakaf

Wakaf merupakan salah satu cara ibadah atau cara menghampiri diri kepada Allah SWT (*taqarrub ilallah*) menerusi harta kekayaan. Berasal dari perkataan Arab ‘*waqafa*’ yang membawa maksud berhenti, menegah dan menahan. Manakala dari segi istilah pula wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT (Norajila binti Che Man, 2015).

### Sadaqah

Sadaqah berasal daripada bahasa Arab ‘*sadaqa*’ yang bererti suatu pemberian yang diberikan oleh seorang Muslim kepada seorang Muslim yang lain secara spontan dan sukarela tanpa dibatasi oleh waktu dan jumlah tertentu. Sedekah juga bermaksud suatu pemberian yang diberikan oleh seseorang sebagai kebajikan yang mengharap keredhaan Allah SWT dan pahala semata-mata.

Sadaqah jariyah (maksudnya adalah amal yang berterusan) mempunyai kesan jangka panjang. Sadaqah jariyah merangkumi perbuatan baik hati dengan kehidupan berterusan, seperti mengedarkan buku-buku agama, membuat bahan-bahan pendidikan boleh diperolehi secara percuma, atau menanam pokok buah-buahan di dataran awam (Barbara Ibrahim, 2008).

## Hibah

### **Pengertian Hibah**

Hibah merupakan perkataan Arab yang berasal daripada kata kerja “*wahaba*” yang bermaksud ‘*tabarru*’ atau pemberian tanpa balasan. (Ibn Manzur, 2003) mendefinisikan hibah sebagai satu pemberian yang bukan bertujuan untuk mendapatkan sebarang balasan. Menurut (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2004) hibah ialah pemberian hak (harta) secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan baik.

Hibah menurut syarak ialah satu pemberian milik secara sukarela semasa hidup pemilik harta kepada seseorang tanpa balasan (Muhamad, 2011). Hibah pada istilah syarak ialah suatu akad yang mengandungi pemberian milik oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan (*iwad*). Secara lebih khusus lagi, hibah ialah suatu akad pemberian milik ain harta daripada satu pihak kepada pihak yang lain tanpa balasan (*iwad*) semasa hidup secara sukarela, bukan mengharap pahala di akhirat dan memuliakan seseorang, dengan menggunakan lafaz *ijab* dan *qabul* atau seumpamanya.

### **Hukum dan Pensyariatian Hibah**

Dari segi hukum, hibah adalah suatu amalan sunat yang digalakkan dalam Islam terutama sekali kepada kaum keluarga terdekat. Amalan ini adalah berdasarkan kepada al-Quran, al-Sunnah dan ijmak. Antara ayat al-Quran yang menggalakkan amalan hibah.

firman Allah S.W.T bermaksud:

*“Kemudian jika mereka menyerahkan kepada kamu sebahagian daripada mas kahwin itu dengan senang hati, makanlah (ambilah) pemberian itu (sebagai makanan) yang sedap lagi baik akibatnya”.*

(al-Nisa’, 4:4).

*“... dan memberikan harta yang dicintainya kepada kerabatnya, anak-anak yatim, orang-orang miskin, musafir (yang memerlukan pertolongan) dan orang-orang yang meminta-minta dan (memerdekakan) hamba sahaya”.*

(al-Baqarah, 2:177).

Selain itu hadis Rasulullah SAW juga banyak menyebut tentang kelebihan melakukan hibah. Antaranya hadis daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW telah bersabda maksudnya:

*“Saling berhadiahlah kamu, nescaya kamu akan saling menyayangi”.*

(H.R al- Bukhari).

Begitu juga dengan hadis lain, diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda maksudnya:

*“Wahai kaum Muslimat! Janganlah kamu menganggap remeh pemberian seorang jiran, walaupun hanya berupa kaki kambing”.*

(H.R Bukhari & Muslim).

Berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis di atas menunjukkan bahawa keharusan melaksanakan hibah, supaya dengan pelaksanaannya dapat mengeratkan hubungan kasih sayang di antara kaum kerabat, jiran tetangga dan masyarakat.

### **Rukun dan Syarat Hibah**

Bagi memastikan hibah dapat dilaksanakan mengikut undang-undang Islam, maka kontrak hibah juga perlu memenuhi rukun dan syarat yang telah ditetapkan, iaitu:

i. Pemberi Hibah (*al-Wahib*)

Pemberi hibah mestilah orang yang berkeahlian untuk melakukan tabarru', oleh itu disyaratkan orang yang hendak memberi hibah mestilah seorang yang berakal, baligh, merdeka, pemilik asal kepada harta yang hendak dihibahkan, ianya juga mestilah dengan kerelaan hati bukan dalam keadaan terpaksa, orang yang tidak ditahan hartanya atas sebab bodoh atau hutang, bukan dalam keadaan sakit yang membawa kepada kematian atau tiada harapan sembuh. Begitu juga seorang bapa atau wali tidak boleh untuk menghibahkan harta milik anaknya yang belum baligh kepada orang lain (Muhamad, 2011). Berdasarkan firman Allah SWT bermaksud:

*“Dan janganlah kamu menghampiri harta anak yatim melainkan dengan cara yang baik (untuk mengawal dan mengembangkannya), sehingga ia baligh (dewasa, serta layak mengurus hartanya dengan sendiri), dan sempurnakanlah perjanjian (dengan Allah dan dengan manusia). Sesungguhnya perjanjian itu akan ditanya”.*

(al-Isra', 17:34).

ii. Penerima Hibah (*al-Mauhub lahu*)

Penerima hibah boleh terdiri daripada sesiapa sahaja asalkan dia mempunyai keupayaan memiliki harta samada mukallaf atau bukan mukallaf. Sekiranya penerima hibah bukan mukallaf seperti masih belum akil baligh atau kurang upaya, hibah boleh diberikan kepada walinya atau pemegang amanah bagi pihaknya. Penerima hibah mestilah menerima harta yang dihibahkan dan berkuasa memegangnya. Dengan kata lain, penguasaan dan kawalan terhadap harta mestilah diberikan kepada penerima hibah (Muda, 2008).

iii. Barang atau harta yang dihibahkan (*al-Mauhub*)

Para fuqaha' telah menetapkan bahawa barang atau harta yang hendak dihibahkan perlu memenuhi syarat berikut:

- Barang atau harta tersebut mestilah halal
- Mempunyai nilai di sisi syarak
- Milik sah pemberi hibah
- Boleh diserahkan milik
- Barang atau harta tersebut juga mestilah wujud ketika hibah dilakukan. Contohnya, tidak sah hibah barang yang belum ada seperti keuntungan

- pada masa hadapan daripada pelaburan, atau rumah yang dalam pembinaan dan sebagainya.
- Harta itu tidak bersambung dengan harta pemberi hibah yang tidak boleh dipisahkan seperti pokok-pokok, tanaman dan bangunan yang tidak termasuk tanah. Mengikut mazhab Maliki, Syafie dan Hanbali, hibah terhadap harta yang berkongsi yang tidak boleh dibahagikan adalah sah hukumnya. Dalam Islam, barang yang masih bercagar (seperti rumah) boleh dihibahkan jika mendapat keizinan dari penggadai atau peminjam.
- iv. Sighah iaitu ijab dan kabul  
Sighah hibah merupakan lafaz atau perbuatan yang membawa makna pemberian dan penerimaan hibah. Ia tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- Ada persambungan dan persamaan di antara ijab dan qabul.
  - Tidak dikenakan syarat-syarat tertentu.
  - Tidak disyaratkan dengan tempoh masa tertentu. Hibah yang disyaratkan dengan tempoh tertentu seperti yang berlaku dalam *al-'umra* dan *al-ruqba* adalah sah hukumnya tetapi syarat tersebut adalah terbatal.

### **Kadar Harta yang Boleh Dhibahkan**

Islam tidak menetapkan kadar harta yang boleh dihibahkan, malah memberi kebebasan kepada pemilik harta untuk melakukan pemberian tanpa terikat dengan kadar tertentu. Menurut ijmak, harus bagi pemilik harta yang berakal menghibahkan keseluruhan harta yang dimilikinya.

### **Hibah pada Masa *Marad al-Mawt***

*Marad al-Mawt* bermaksud sakit yang boleh menyebabkan kematian. Hibah yang dibuat pada masa *marad al-mawt* iaitu pemberian yang dibuat oleh seseorang yang sakit, dan sakit tersebut membawa kematian penghibah. Antara syarat-syarat yang diperlukan bagi menentukan *marad al-mawt* ialah:

- Penyakit itu yang menyebabkan kematian si mati
- Penyakit itu menyebabkan kecemasan kematian dalam fikiran si mati
- Terdapat tanda-tanda luar yang menentukan bahawa penyakit itu berat.

Menurut undang-undang Islam, hibah yang dibuat pada masa *marad al-mawt*, ianya melibatkan dua jenis undang-undang, iaitu undang-undang wasiat dan undang-undang hibah.

Jika penghibah meninggal dunia setelah melafazkan pemberian itu, maka pemberian tersebut sama seperti pemberian melalui wasiat dan tertakluk kepada hukum wasiat. Iaitu:

- i. Pemberian tersebut tidak boleh melebihi 1/3 daripada harta si mati.
- ii. Pemberian tersebut juga tidak boleh diberikan kepada ahli waris, kecuali ahli-ahli waris yang lain bersetuju.

Akan tetapi, sekiranya penghibah itu masih hidup, maka pemberian tersebut termasuk dalam hukum hibah dan tertakluk kepada hukum pemberian semasa hidup iaitu penyerahan hak pemilikan oleh pemberi hibah kepada penerima hibah (Mohd Ridzuan Awang, 2002).

### Hibah dalam Bentuk *al-'Umra* dan *al-Ruqba* (Hibah Bersyarat)

*al-'Umra* ialah pemberian selama hidup penerima hibah sahaja, jika penerima hibah meninggal dunia dahulu, maka harta hibah tersebut akan dikembalikan kepada pemilik harta iaitu penghibah. Sekiranya penghibah meninggal dahulu, maka harta tersebut akan dikembalikan kepada waris penghibah. *al-'Umra* ini bersifat sementara.

*al-Ruqba* pula ialah pemberian dengan syarat kematian salah satu pihak sama ada pemberi hibah atau penerima hibah sebagai syarat pemilikan kepada salah satu pihak yang hidup. *Al-Ruqba* juga bermaksud suatu pemberian bersyarat yang ditentukan oleh pemberi hibah, di mana harta hibah akan menjadi milik penerima hibah sekiranya pemberi hibah meninggal dunia. Tetapi jika penerima hibah meninggal dunia sebelum pemberi hibah maka harta hibah akan kembali kepada pemberi hibah.

Justeru itu, bagi perancangan dan pengurusan harta selepas berlaku kematian, ialah mengikut hukum faraid kecuali waris-waris bersetuju (semua waris telah memenuhi syarat untuk memberi persetujuan mengikut hukum syarak) membahagikan harta secara muafakat. Walau bagaimanapun, hak-hak terhadap harta pusaka tersebut perlulah ditunaikan terlebih dahulu, seperti perbelanjaan pengurusan jenazah, pelunasan hutang (jika ada), pelaksanaan wasiat (jika ada), dan tuntutan harta sepencarian (jika ada) (Mohd Zamro bin Muda W. Y., 2006).

### APLIKASI HIBAH DI MALAYSIA

Amalan hibah atau pemberian telah lama dipraktikkan oleh masyarakat Islam di Malaysia. Walaupun amalan ini tidak dilakukan secara bersistem sebagai mana sekarang, namun terdapat bukti yang menunjukkan amalan hibah ini telah bermula seawal tahun 1900-an (Nasrul Hisyam Nor Muhammad). Amalan hibah ini boleh dilihat dalam aspek berikut:

#### Hibah dalam Perundangan Islam

Pelaksanaan hibah di Malaysia adalah mengikut undang-undang Islam yang tertakluk di bawah kuasa mahkamah syariah. Namun begitu, tiada peruntukan khusus mengenai undang-undang hibah yang dikanunkan. Ini bermakna Dewan Perundangan Negeri dan Parlimen (bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan) tidak pernah meluluskan statut khusus mengenai hibah orang Islam untuk dilaksanakan di Mahkamah-mahkamah Syariah. Setakat yang ada hanyalah peruntukan yang menjelaskan tentang bidang kuasa Mahkamah Syariah mengenainya termasuk dalam Butiran 1, Senarai II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa (Muda, 2008):

“Kecuali mengenai wilayah persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum syarak yang berhubungan dengan mewarisi harta berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, **pemberian**, pembahagian harta dan amanah bukan khairat...”

Peruntukan di atas menunjukkan bahawa hibah adalah sebahagian daripada perkara negeri yang diletakkan di bawah pentadbiran agama Islam di setiap negeri dan secara langsung terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah (Muda, 2008). Peruntukan undang-undang hibah di Malaysia tidak hanya terhad semasa hidup pemberi hibah bahkan juga semasa *marad al-mawt*. Kebiasaannya, kes hibah di Malaysia melibatkan aspek

pengesahan hibah, pertikaian kadar dan penarikan balik hibah. Amalan hibah di Malaysia secara umumnya berlaku dalam kalangan ahli keluarga terdekat yang juga merupakan ahli waris. Hibah juga sering kali diberikan kepada anak tiri dan juga anak angkat (Muhamad, 2011).

### Hibah dalam industri perancangan harta

Pengurusan harta yang sistematik dan terancang amat dititikberatkan oleh Islam bagi memastikan setiap individu memperoleh hak masing-masing. Tanpa perancangan awal pengurusan harta, pelbagai isu dan masalah akan timbul seperti perebutan harta, harta tidak dituntut dan harta terbeku. Oleh sebab itu, Islam mensyariatkan umatnya membuat perancangan awal harta. Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

*“Seseorang Muslim yang mempunyai sesuatu yang boleh diwasiatkan tidak sepatutnya tidur dua malam berturut-turut melainkan dia menulis wasiat di sisinya”.*

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Hadis di atas menunjukkan bahawa langkah persediaan dalam menguruskan harta perlu dilakukan dan dirancang dengan sebaiknya oleh setiap Muslim terutamanya bagi individu yang memiliki harta. Ini kerana, kematian merupakan suatu perkara yang dirahsiakan oleh Allah dan tiada seorang pun individu yang pasti bilakah dia akan menemui ajalnya. Antara instrumen perancangan harta yang boleh dilakukan ialah hibah. Terdapat tiga bentuk hibah yang boleh digunakan iaitu :

### Hibah Mutlak

Hibah mutlak (*absolute assignment*) merujuk kepada pemindahan hak milik oleh penghibah kepada penerima hibah secara langsung berdasarkan rukun, syarat dan *qabd* yang telah ditetapkan oleh hukum syarak. Hibah ini melibatkan proses pemindahan hak milik serta merta kepada penerima hibah. Sekiranya semua rukun dan syarat hibah telah dipenuhi, penerima hibah akan menjadi pemilik yang baru bagi *mawhub*. Dalam situasi ini, penghibah tidak di benarkan membatalkan hibah tersebut kecuali penghibah adalah bapa atau datuk kepada penerima hibah tersebut. Hibah secara mutlak ini biasanya dilakukan oleh individu yang memiliki jumlah harta yang melebihi tahap keperluan dan harta yang dihibahkan merupakan harta berlebihan (Muhamad, 2011).

### Hibah Melalui Amanah

Hibah melalui amanah (*hibah via trust*) pula merujuk kepada satu pemberian *inter vivos* tanpa balasan kepada penerima hibah (*benefisiari*) melalui pemegang amanah (*trustee*) yang dilantik bagi pihak penerima hibah. Melalui hibah ini, penghibah tidak lagi mempunyai sebarang hak dan kepentingan terhadap harta selepas surat ikatan amanah (*trust deed*) ditandatangani. Bagi hibah melalui amanah ini, harta yang telah dihibahkan tidak akan terus dipindah milik kepada penerima hibah tetapi kepada pemegang amanah. Elemen *qabd* dalam hibah bentuk ini akan dilakukan oleh pemegang amanah sebagai menggantikan penerima hibah. Dari segi perundangan, pemegang amanah akan menjadi pemilik kepada harta tersebut manakala penerima hibah menjadi pemilik secara benifisial (Muhamad, 2011). Hibah bentuk ini biasanya digunakan untuk pemberian kepada penerima hibah yang tidak boleh menguruskan harta seperti anak yang masih di bawah umur serta



penerima yang tidak sempurna akal di samping untuk tujuan kebajikan, perlindungan aset, pendidikan dan kesihatan.

### Hibah Amanah

Secara asasnya hibah amanah ini termasuk dalam kategori hibah melalui amanah namun terdapat perbezaan antara hibah amanah dan hibah melalui amanah. Hibah amanah merujuk kepada gabungan antara hibah mutlak dengan hibah melalui amanah. Hibah bentuk ini melibatkan dua langkah (akad) dalam pelaksanaannya. Yang pertama ialah kontrak hibah antara penghibah dan penerima hibah mengikut rukun dan syarat hibah. Dalam akad yang pertama ini, hibah telah sempurna dan *mawhub* telah dimiliki oleh penerima hibah. Selepas sempurna akad yang pertama, pemegang amanah akan dilantik untuk menguruskan harta tersebut. Pada peringkat ini, ketiga-tiga pihak (penghibah, penerima hibah dan pemegang amanah) akan menandatangani surat ikatan amanah. Dalam surat tersebut, pelbagai syarat boleh dimasukkan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak termasuklah syarat *umra* dan *ruqba* (Muhamad, 2011). Contohnya seperti hibah amanah yang dilaksanakan oleh ASNB.

ASNB menyediakan perkhidmatan hibah amanah kepada pemegang unit sahamnya bagi memastikan harta pewarisan dalam ASNB tersebut dapat diagihkan dengan lebih cepat kepada ahli waris. Hibah amanah ASNB memerlukan pemegang unit saham untuk berdaftar terlebih dahulu dengan perkhidmatan hibah amanah. Sekiranya berlaku kematian, semua baki pelaburan unit amanah di dalam tabung unit amanah yang dihibahkan oleh pemberi hibah akan dipindah milik kepada penerima hibah, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat di dalam Surat ikatan Hibah Amanah. Dengan itu, segala urusan pentadbiran harta pusaka yang melibatkan unit amanah di ASNB dapat dilaksanakan dengan lebih cepat dan tidak perlu melalui proses pentadbiran harta pusaka yang rumit dan panjang. Walau bagaimanapun, ASNB akan mengenakan yuran bagi perkhidmatan hibah amanah mengikut jumlah pelaburan yang dimiliki mengikut kadar yang telah ditetapkan ([www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my), 2015)

## KONSEP MASLAHAH DALAM ISLAM

Menjaga masalah merupakan salah satu aspek penting dalam Islam. Ianya bertujuan untuk menghindarkan manusia daripada kerosakan. Masalah juga ialah untuk menjelaskan ketegasan Islam dalam memelihara aspek seperti, agama, jiwa, maruah, akal dan harta.

### DEFINISI MASLAHAH

Maslahah menurut bahasa ialah perbuatan yang mempunyai kebaikan atau manfaat. Ianya juga ditakrifkan sebagai menghilangkan kefasadan dan memperbaiki sesuatu samada manfaat atau kemunasabahan (Law). Imam al-Ghazali mendefinisikan masalah ialah semua perkara yang dapat memberi kemanfaatan serta mampu mengelak dari kemudaratan kepada negara dan umat Islam (Hasan, 1971).

Berdasarkan definisi di atas dapat disimpulkan bahawa masalah bukan sahaja melakukan perkara yang bermanfaat untuk kepentingan individu sahaja, malah ianya juga melihat kepada maksud syarak, kerana tanpa merujuk kepada maksud syarak manusia boleh menggunakan masalah untuk kepuasan nafsu mereka tanpa memikirkan mudarat yang akan berlaku.

## JENIS-JENIS MASLAHAH

Kebaikan dan keburukan di dunia adalah berbeza kepada kaca mata manusia. Walau bagaimanapun Islam telah menggariskan batas-batas pertimbangan bagi memastikan kemaslahatan dan keburukan itu benar-benar membawa kebaikan atau keburukan. Allah SWT menurunkan al-Quran dan al-Sunnah kepada umatnya untuk dijadikan rujukan sebagai sumber utama dalam menghadapi apa jua masalah yang akan berlaku. Antara jenis-jenis masalah ialah:

### **Dharuriyyah**

*Al-Dharuriyyah* juga bermaksud syariat yang menjadi tiang untuk menegak berbagai kemaslahatan di dunia dan akhirat. Jika tiang-tiang tersebut tidak ditegakkan dan dilaksanakan, maka kemaslahatan dunia dan akhirat itu akan hilang dan tidak akan wujud. Malah kerugian dan kerosakan yang akan berlaku. Justeru itu manusia tidak akan dapat meneruskan kehidupan mereka dengan sempurna di dunia dan mengalami kerugian yang amat besar di akhirat (Al-Syatibi, t.th). Para ulama juga telah membahagikan lima perkara yang perlu dipelihara, dan dianggap sebagai *al-Dharuriyyat al-Khams*, iaitu agama, diri, akal, keturunan dan harta benda.

### **Hajjiyyah**

*Al-hajjiyyah* pula adalah masalah yang diperlukan oleh manusia untuk memudahkan kehidupan mereka. Apabila masalah ini luput ianya tidak akan menjejaskan peraturan hidup, tetapi hanya menimbulkan kesusahan dan kesempitan sahaja. *Al-hajjiyyah* ini hanya memberi keringanan kepada konsep *dharuriyyah* yang menjadi keutamaan dan penting dalam kehidupan manusia. Ianya juga terdapat dalam ibadah, adat, muamalat dan keseksaan. Sekiranya berlaku pertembungan antara *dharuriyyah* dan *hajjiyyah*, maka para ulama telah membuat ketetapan bahawa masalah *dharuriyyah* ini perlu diutamakan. Ini kerana jika masalah *dharuriyyah* tidak dilaksanakan ianya akan membawa kepada kesusahan dan ketidaksempurnaan dalam sistem kehidupan.

### **Tahsiniyyah**

*Al-tahsiniyyah* merupakan pelengkap dan hiasan terhadap kehidupan manusia. Apa yang dimaksudkan dengannya ialah nilai akhlak mulia, sekiranya tiada kehidupan manusia tidak akan tergugat dan mereka juga tidak akan merasa kesempitan atau kesusahan dalam menjalani kehidupan seharian. Ianya juga terkandung dalam ibadah, muamalat dan juga adat (Yusof, 1991). Sebagai contoh menutup aurat dengan pakaian yang cantik sewaktu solat, larangan daripada merampas tunangan orang, dan juga adab-adab ketika makan dan minum, semua ini dikira sebagai *al-tahsiniyyah* (al-Zuhaily, 1999).

## HIBAH SEBAGAI INSTRUMENT DALAM MENJAMIN KEMASLAHATAN MASYARAKAT ISLAM DI ALAM MELAYU

Hibah dalam undang-undang Islam mempunyai konsep dan ciri yang tersendiri. Pemahaman yang jelas mengenai konsep hibah adalah penting terutama bagi pemilik harta dalam konteks bagaimana dia ingin merancang agihan hartanya, di samping tidak mengabaikan masalah waris-warisan yang tidak tergolong dalam waris *ashab al-furud* dan waris *‘asabah*.

## **Instrumen Perancangan Harta**

Hibah merupakan salah satu instrumen penting dalam pengurusan dan perancangan harta pusaka. Ianya mempunyai kedudukan yang tersendiri di dalam Islam dari segi hukum dan cara pelaksanaannya. Sekiranya hibah ini diuruskan dengan teratur dan menepati kehendak syarak, maka nasib kaum kerabat terdekat yang memerlukan bantuan akan terbela. Selain itu hibah juga boleh dijadikan sebagai proses perancangan awal harta seseorang untuk tujuan kebaikan, dapat memupuk kasih sayang dan cegah permusuhan. Melalui pelaksanaan hibah ini juga dapat mengurangkan harta yang tidak dituntut oleh waris atau harta beku. Berdasarkan statistik, di Malaysia dianggarkan terdapat lebih 1 juta kes pusaka yang bernilai lebih RM52 bilion belum diselesaikan atau tertunggak. Apa yang dimaksudkan ialah harta masih di atas nama si mati dan belum dituntut oleh waris yang berhak. Majoriti dari harta pusaka yang belum selesai ini pula adalah milik orang Islam (Sabirin, 2014). Melalui pelaksanaan hibah ini juga, harta si mati dapat diagihkan dengan sebaik-baiknya kepada waris yang berhak dan ianya juga boleh digunakan ke atas anak angkat, anak susuan, bapa angkat, ibu angkat dan sebagainya yang mempunyai hubungan kasih sayang yang rapat tapi tidak berhak mendapat harta pusaka (Muda, 2008). Justeru itu, transaksi hibah ini dapat membantu mempercepatkan proses pembahagian harta baik semasa hidup atau selepas kematian. Sekaligus ianya boleh mengelakkan kelewatan atau penangguhan pembahagian harta pusaka kepada waris atau orang yang dikehendaki menerima harta (Marziana binti Abd Malib, 2015).

## **Instrumen Agihan Harta Secara Holistik**

Hibah merupakan satu alternatif pengurusan harta yang membawa tujuan atau maksud yang sama dengan bentuk-bentuk sistem pewarisan harta yang lain iaitu pengagihan harta kekayaan secara adil dan boleh memupuk kasih sayang serta mencegah permusuhan. Dalam hal ini bagi memastikan agihan harta seseorang itu dapat diagihkan secara menyeluruh, maka minda masyarakat yang selama ini hanya menggunakan mekanisme pembahagian harta pusaka secara konvensional perlu diubah kepada konsep yang menggunakan pendekatan 'pemberian semasa hidup' seperti hibah. Antaranya ialah:

### **Harta Dapat di Agihkan Kepada Ahli Waris dan Bukan Ahli Waris**

Pemberian hibah tidak dihadkan kepada sekumpulan orang tertentu sahaja sebagaimana yang terdapat di dalam sistem faraid yang memberikan hak hanya kepada ahli waris. Hibah juga tidak pula mengecualikan sekumpulan orang yang lain bagi mendapatkan haknya seperti mana dalam wasiat yang mengecualikan waris sebagai penerima wasiat. Oleh itu dengan pelaksanaan hibah ini, pemilik harta bebas untuk memberi hartanya kepada sesiapa sahaja yang disayangnya ketika masih hidup, seperti pemberian yang dibuat kepada waris. Ini kerana menurut Islam, tidak wujud halangan untuk membolehkan hibah dibuat kepada waris sendiri. Begitu juga hibah boleh diberikan kepada bukan waris, keadaan ini memberi ruang kepada pasangan yang mempunyai anak angkat bagi memperuntukkan harta mereka kepada anak yang berkenaan. Selain itu, hibah juga boleh diberikan kepada seseorang yang bukan beragama Islam. Sebagai contohnya, bagi orang yang baru memeluk Islam, mereka mungkin masih mahu mempunyai hubungan yang rapat dengan keluarga mereka walaupun keluarga tersebut bukannya beragama Islam. Perbezaan agama antara waris dengan pewaris merupakan salah satu daripada halangan pewarisan dan mereka tidak boleh saling mewarisi. Sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:

*“Orang Islam tidak boleh mewarisi (harta) orang kafir dan orang kafir tidak boleh mewarisi (harta) orang Islam”.*

(H.R al-Tirmidhi):

Oleh yang demikian, wujud keperluan kepada satu penyelesaian untuk membolehkan seseorang yang baru memeluk Islam untuk membolehkan mereka memberikan harta mereka kepada keluarga terutamanya ibu bapa yang telah banyak berjasa sebagai menghargai pengorbanan sekurang-kurangnya melahirkan dan membesarkan mereka walaupun berlainan agama (Ahmad, 2013).

### **Tiada Kadar Yang dihadkan**

Bagi sistem faraid pemberian harta kepada waris hendaklah mengikut kadar-kadar tertentu sebagaimana yang telah disebutkan dalam al-Quran, surah al-Nisa' ayat 11, 12 dan 176. Manakala bagi harta yang hendak diwasiatkan tidak boleh melebihi sepertiga (1/3) sahaja daripada harta pusaka bersih (Jaafar, 2015). Akan tetapi dengan pelaksanaan hibah, tiada had jumlah yang perlu dipatuhi seseorang dalam pemberian hibah. Pemberian secara hibah kepada anak perempuan ada kewajarannya, demi untuk memastikan kelangsungan harta yang diwarisi terus dapat dipertahankan dan dimanfaatkan (Marziana binti Abd Malib, 2015).

### **Instrumen Penyelesaian Masalah Berkaitan Harta Pusaka**

Pelaksanaan hibah, dapat membantu mempercepatkan proses pembahagian harta samada semasa hidup atau selepas berlaku kematian. Kesukaran melalui proses permohonan pentadbiran penyelesaian harta pusaka akan melambatkan proses pembahagian harta si mati.

### **Proses Pengagihan Harta Melalui Hibah Lebih Mudah**

Harta pusaka orang Islam terdiri daripada dua aspek, iaitu pentadbiran dan pengagihan. Ramai yang memikirkan bahawa mereka tidak perlu merancang harta pusaka kerana sudah ada hukum faraid, namun mereka tidak menyedari bahawa selepas seseorang meninggal dunia, waris terpaksa melalui kepayahan terhadap proses pentadbiran sebelum harta boleh diagihkan mengikut faraid (Jaafar, 2015). Justeru itu, bagi memastikan kelancaran proses pengurusan dan pembahagian harta dapat dilaksanakan, kaedah pelaksanaan hibah ini bukan sahaja dikatakan dapat menjamin penurunan hak milik harta kepada waris mengikut kehendak pemberi hibah, malah akan mengurangkan jumlah kes harta pusaka di seluruh negara. Ini adalah kerana pengagihan harta melalui kaedah hibah tidak perlu melalui proses pentadbiran yang rumit seperti mana yang perlu dilalui dalam pembahagian secara faraid yang dikatakan kurang berkesan dan kadangkala boleh menimbulkan ketidakadilan.

### **Harta Dapat diagihkan Kepada yang Berhak dan Bertanggungjawab**

Pengurusan dan perancangan harta perlu dibuat semasa hidup pemilik harta. Ini kerana pemilik harta lebih mengetahui kepada siapa harta itu layak diberikan atau mungkin kepada pihak yang lebih diyakini untuk menjaga dan memanfaatkan harta tersebut. Ini adalah kerana pembahagian harta pusaka sebenarnya tidak boleh dianggap selesai sekiranya bahagian yang diperoleh setiap waris tidak dapat dimanfaatkan atau memberi apa-apa faedah kepada penerima. Melalui pendekatan hibah ini, pemilik harta boleh

menentukan sendiri kepada siapa hartanya akan diberikan dan sejumlah mana hendak diagihkan dengan mengambil kira kesesuaiannya dari segi kedudukan ekonomi dan keperluan semasa waris-warisnya. Ini kerana keperluan seseorang individu daripada individu yang lain kebiasaannya adalah berbeza. Oleh itu, menghibah sebahagian harta yang lebih besar kemungkinan boleh dibuat kepada seseorang anak perempuan ataupun anak lelaki berbanding pemberian kepada seseorang anak lelaki lain, yang lebih berharta dan berkeupayaan. Begitu juga kadangkala, anak perempuan lebih banyak menunaikan tanggungjawab dan lebih banyak berjasa kepada ibu bapa dan keluarga berbanding dengan anak lelaki. Melalui pelaksanaan hibah ini, seseorang ibu bapa berhak memberikan bahagian harta yang lebih banyak kepada mereka yang lebih banyak memberi sumbangan (Ahmad, 2013).

Oleh demikian, bagi memudah dan memantapkan lagi urusan berkaitan dengan hibah ini, dan juga untuk memastikan harta seseorang itu dapat disalurkan kepada pihak yang berhak menerimanya dengan sebaik mungkin, maka pihak yang bertanggungjawab samada kerajaan atau agensi-agensi yang terlibat dengan urusan tersebut perlu memberi penerangan secara berterusan kepada masyarakat mengenai pelaksanaan hibah ini, samada melalui media cetak, elektronik atau media baru. Supaya ianya dapat memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan perancangan dalam pengurusan harta mereka.

## PENUTUP

Perancangan dan pengurusan harta semasa hidup seperti hibah, wasiat, wakaf dan sebagainya sedikit sebanyak dapat membantu menyelesaikan permasalahan yang berlaku dalam kalangan umat Islam berkaitan dengan perancangan harta. Ini kerana kebanyakan umat Islam masih lagi ketinggalan dalam urusan perancangan harta. Adalah penting bagi seseorang yang mempunyai harta untuk merancang pembahagian harta mereka ketika mereka masih hidup lagi. Ianya bertujuan untuk memastikan segala urusan perancangan harta itu berjalan dengan lancar. Kegagalan merancang dan menguruskan harta, boleh mengakibatkan pelbagai masalah dan kesulitan timbul dalam kalangan waris, bukan sahaja boleh meretakkan hubungan silaturahim sesama waris, malah harta si mati juga terbiar tanpa dimanfaatkan oleh waris. Bahkan tanpa penyelesaian yang komprehensif, ianya boleh menyebabkan isu tersebut terus berpanjangan dan membelenggu pengurusan dan pentadbiran harta orang Islam di Malaysia. Justeru dengan pelaksanaan hibah ini, ianya dapat membantu ekonomi umat Islam, merapatkan ikatan persaudaraan dan pertalian kasih sayang sesama insan, selain dapat mengelak dari berlakunya masalah-masalah berbangkit di kemudian hari.

## Bibliografi

- Ahmad, R. A. (2013). Pengurusan Harta Melalui Hibah: Kepentingan dan Manfaat Dari Pelbagai Aspek Untuk Kemajuan Ummah. *Jurnal Hadhari*, 91-104.
- Al-Syatibi, A. I. (t.th). *Al-Muafaqat fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- al-Zuhaily, W. (1999). *Usul Fiqh wa Adillatuhu*. Dimasq.
- Awang, M. R. (2006). Pengurusan Harta Orang Islam Di Malaysia: Isu undang-Undang dan Penyelesaian. *Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam* (pp. 437-452). Selangor: putrajaya SDN.BHD.

- Bakar, W. A. (2008). *Islam & Pengurusan Hartanah*. Selangor: UPENA.
- Barbara Ibrahim, D. H. (2008). *From Charity to Social Change: Trends in Arab Philanthropy*. Kaherah: American University in Cairo Press.
- Daud, M. H. (2015). Perancangan Pembahagian Harta Semasa Hidup dalam Islam: Konsep dan Kepentingannya. *GJAT*, 119-131.
- Hasan, H. H. (1971). *Nazariyyah al-Maslahah fi al-Fiqh al-Islami*. Dar al-Nahdah al-Arabiyyah.
- Ibn Manzur, J. a.-D. (2003). *Lisan al-Arab*. Kaherah: Dar al-Hadith.
- Jaafar, M. T. (2015, september 28). Pengurusan Harta Pusaka. Alor Gajah, Melaka, Malaysia: Jabatan Penyelidikan Mahkamah Syariah Negeri Melaka.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2004). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Law, S. P. (n.d.). *Al-Maqasid al-Ammah li Shariah al-Islamiyyah*. Mukhtar al-Sohah.
- Marziana binti Abd Malib, M. S. (2015). Pemberian Hibah Sebagai Struktur Perancangan Harta Umat Islam: Pengaplikasiannya di Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia. In M. A. Fahrurrozi, *Islamic Finance and Philanthropy* (pp. 233-273). Mataram: Sanabil.
- Mohd Ridzuan Awang, Z. b. (2002). *Undang-Undang Petadbiran Pusaka, Wasiat dan Wakaf*.
- Mohd Zamro bin Muda, W. Y. (2006). Konsep Harta dan Kepentingan Pengurusannya Menurut Persepektif Islam. *Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta dalam Islam* (pp. 1-14). Selangor: Percetakan Putrajaya Sdn Bhd.
- Muda, M. Z. (2008). INSTRUMEN HIBAH DAN WASIAT: ANALISIS HUKUM DAN APLIKASI DI MALAYSIA. *Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan 2008*, (pp. 1-38).
- Muhamad, N. H. (2011). *Hibah dalam Undang-undang Islam Prinsip dan Amalan*. Selangor: Info Meditasi SDN.BHD.
- Norajila binti Che Man, N. A. (2015). Pembinaan Tamadun Melalui Filantropi Islam. In M. A. Fahrurrozi, *Islamic Finance And Philanthropy* (p. 44). Mataram: Sanabil.
- Sabirin, A. (2014, Jan 20). *utusan online.com.my*. Retrieved from [http://ww1.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20140120/ek\\_04/Umat-Islam-rugi-berbillion-ringgit-kerana-harta-pusaka](http://ww1.utusan.com.my/utusan/Ekonomi/20140120/ek_04/Umat-Islam-rugi-berbillion-ringgit-kerana-harta-pusaka)
- Yusof, H. (1991). *Al-Maqasid al-Ammah li al-Syari'yyah al-Islamiyyah*. United States of America.